



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA\_Malaysia



NO GIFT POLICY

*Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future*

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. 102 (19 )  
Tarikh : 03 OCT 2018

Berkuatkuasa 1 Julai 2018 alamat baharu  
MQA adalah:

Agensi Kelayakan Malaysia  
Bangunan Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya, Selangor.

Ketua Eksekutif  
Kolej Universiti Selatan  
PTD 64888, 15KM  
Jalan Skudai, P.O. Box 76  
81300 Skudai  
JOHOR DARUL TAKZIM

Tuan,

**PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM 'DOCTOR OF PHILOSOPHY (CHINESE STUDIES)' (MQA/PA 10010)**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang bermesyuarat pada **28 Ogos 2018** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.
3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara selama 5 tahun bermula dari tarikh surat ini.**
4. Pihak tuan perlu mengemukakan bukti pematuhan syarat-syarat Perakuan Akreditasi Sementara seperti yang dinyatakan di perkara 3 dan 4 **Lampiran A** dalam tempoh **satu tahun dari tarikh surat ini atau sebelum pengambilan kohort pertama pelajar.** Kegagalan pihak tuan mengemukakan dokumen dalam tempoh atau gagal mematuhi syarat yang ditetapkan akan menyebabkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan.
5. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA setelah kohort pertama pelajar/menyediakan draf tesis atau telah menjalani *viva voce*. Pihak MQA boleh melaksanakan pemantauan program tersebut dalam tempoh Perakuan Akreditasi Sementara diberikan.

*MQA*

*Handwritten signature*

6. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Pn. Kamala A/P. Kandasamy** di talian **03-8688 3719** atau e-mel: **[kamala@mqa.gov.my](mailto:kamala@mqa.gov.my)**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO/ DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)**

s.k.: Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 9, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Fail MQA.600-2/2/7250